

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui cadangan bertulis dan perisytiharan yang diberi oleh Pihak Diinsuranskan untuk tujuan mendapatkan insurans ini dan yang akan menjadi asas kepada Kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripadanya telah memohon **Liberty General Insurance Berhad** bagi insurans yang terkandung selepas ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual tersebut selaras dengan undang-undang Malaysia sebagai balasan bagi Insurans tersebut yang diberi berhubung dengan kecederaan tertentu atau kontingensi-kontingensi lain sebagaimana ditentukan dalam Jadual Polisi terpakai kepada Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan sebagai pemandu dan/atau penumpang semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun daripada kenderaan yang dinamakan di bawah Polisi ini.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendors atau dinyatakan sebaliknya ke atasnya Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan mengikut cara dan setakat yang diperuntukkan selepas ini:

DEFINISI

- Kami/Syarikat** bermaksud Liberty General Insurance Berhad.
- Jadual Polisi** bermaksud Jadual, yang dilampirkan dan membentuk sebahagian daripada Polisi ini.
- Pihak Diinsuranskan** bermaksud Orang/Pertubuhan/Perbadanan/ Syarikat sebagaimana dinamakan dalam Jadual Polisi atau pemandu yang dinamakan bagi kenderaan berdaftar Pertubuhan/ Perbadanan/ Syarikat.
- Orang Diinsuranskan** bermaksud pemandu dan/atau penumpang dengan kebenaran Pihak Diinsuranskan yang memandu atau menunggang sebagai penumpang yang menaiki atau turun daripada kenderaan yang dinamakan di dalam Polisi ini.
- Tempoh Insurans** bermaksud tarikh khusus permulaan insurans sehingga tarikh luputnya bagi perlindungan insurans sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Polisi.
- Kematian Akibat Kemalangan atau Kecederaan Anggota Badan** merujuk kepada sebarang kejadian kemalangan yang tidak disengajakan akibat keganasan secara luaran dan nyata yang tidak bergantung pada sebarang sebab lain yang membawa kepada kematian atau hilang upaya kekal ke atas Pihak Diinsuranskan atau Orang Diinsuranskan.
- Kemalangan kepada Kenderaan Yang Dinamakan** merujuk kepada kejadian atau beberapa siri kejadian yang berlaku akibat daripada satu sebab yang membawa kepada kerosakan Kenderaan Yang Dinamakan dan yang dilindungi di bawah Polisi Insurans Kenderaan Persendirian Komprehensif.
- Pengamal Perubatan** bermaksud doktor berkelayakan dengan ijazah dalam Perubatan Barat yang dilesenkan secara sah dan berkelayakan sewajarnya untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan.
- Bengkel Panel** merujuk kepada pembaik pulih kenderaan yang diluluskan di bawah Skim Bengkel Panel Automotif Syarikat. Memandangkan senarai bengkel ini mungkin berubah dari semasa ke semasa, Bengkel Panel yang disenaraikan pada masa kemalangan akan terpakai.

10. Kerosakan Sendiri merujuk kepada kerosakan kepada Kenderaan Yang Dinamakan, termasuk Tuntutan Kerosakan Sendiri 'Knock for Knock (OD KFK)' di mana Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) tidak dibatalkan. Kerosakan Sendiri tidak termasuk lupus nilai (*Total Loss / Beyond Economic Repair*), dan Tuntutan Kecurian.

11. Pembaikan bermaksud sekiranya dalam proses pembaikan kenderaan yang mengalami kerosakan akibat kemalangan, komponen lama diganti dengan komponen francais yang baru. Selaras dengan prinsip indemnit, pihak diinsuranskan perlu menanggung perbezaan dalam kos memandangkan Pihak Diinsuranskan berada pada kedudukan yang lebih baik selepas kemalangan dengan penggantian komponen francais baru.

12. Had Wilayah – Perlindungan terhad kepada Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

SEKSYEN A – FAEDAH

Insurans yang diberi hanya berhubung dengan kecederaan anggota badan yang berlaku secara langsung dan tidak bergantung pada sebarang sebab lain yang membawa kepada kematian atau hilang upaya kekal, dan/atau menanggung perbelanjaan perubatan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah di bawah:

JADUAL FAEDAH / JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)				
Perkara	Faedah	Pelan A	Pelan B	Pelan C
1.	Kematian Akibat Kemalangan (seorang)	30,000	75,000	120,000
2.	Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan (seorang)	30,000	75,000	120,000
3.	Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik dan/atau Bayaran Ambulans (seorang)	2,000	2,000	2,000
4.	Pendapatan Hospital (Sehingga maksimum 30 hari setahun seorang)	50 sehari	50 sehari	50 sehari
5.	Elaun Pengkebumian (seorang)	1,000	1,000	1,000

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya kecederaan anggota badan membawa kepada kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan bagi Kenderaan Yang Dinamakan dalam masa dua belas (12) bulan daripada tarikh kemalangan, Syarikat akan membayar faedah mengikut pelan yang dipilih.

2. KEHILANGAN UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya kecederaan anggota badan tidak membawa kepada kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan bagi Kenderaan Yang Dinamakan dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan tetapi menyebabkan mana-mana satu kehilangan berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut, Syarikat akan membayar pampasan bagi kehilangan tersebut mengikut pelan yang dipilih.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Faks: +603 2268 2222 Laman Sesawang: www.kurnia.com
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443) Mukasurat 1

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

Kedua-dua Tangan atau Kedua-dua Kaki atau Penglihatan Kedua-dua Mata	100%	}	daripada Jumlah Diinsuranskan bagi Faedah di bawah Perkara 2 (Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan)
Satu Tangan dan Satu Kaki	100%		
Mana-mana Sebelah Tangan atau Kaki dan Penglihatan Sebelah Mata	100%		
Mana-mana Sebelah Tangan atau Kaki	50%		
Penglihatan Sebelah Mata	50%		

"Kehilangan" merujuk kepada tangan atau kaki bermaksud kehilangan kekal menyeluruh penggunaan keseluruhan bahagian paha atau kaki, lengan atau tangan dan kehilangan mata bermaksud kehilangan daya penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh sembuh. Berlakunya mana-mana kehilangan tertentu yang mana pampasan perlu dibayar di bawah faedah ini akan serta-merta menamatkan semua insurans di bawah Polisi ini, tetapi penamatan tersebut adalah tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang menyebabkan kehilangan tersebut. Tiada pampasan akan dibayar di bawah mana-mana keadaan yang berlaku lebih daripada satu kehilangan, tertakluk kepada jumlah maksimum yang diperuntukkan di bawah faedah ini.

PERHATIAN:

Faedah di bawah Perkara 1 dan 2 diperluaskan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tidak kira sama ada beliau berada di dalam Kenderaan Yang Dinamakan atau tidak. Syarikat dengan ini bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan bahawa sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh berikutnya Pihak Diinsuranskan mengalami sebarang kecederaan tubuh badan disebabkan semata-mata oleh kemalangan luaran yang serius dan nyata yang terjadi secara tunggal dan langsung tanpa kejadian lain yang membawa kepada kematian atau kehilangan upaya kekal, Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan atau wakil bagi pihak beliau yang sah jumlah atau sejumlah wang yang dinyatakan dalam Jadual dan selaras dengan Jadual Faedah yang diperuntukkan dalam Polisi ini.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN, PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN / ATAU KOSMETIK DAN / ATAU BAYARAN AMBULANS

a) PERBELANJAAN PERUBATAN

Sekiranya atas sebab kecederaan anggota badan, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan memerlukan rawatan oleh Pengamal Perubatan, pemantauan di hospital atau penggunaan khidmat jururawat berlesen atau siswazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu daripada tarikh kemalangan bagi rawatan, caj hospital dan yuran penjagaan jururawat tersebut.

b) PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU KOSMETIK

Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik akan dibayar sekiranya ia dinasihatkan dan dilaksanakan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik berlesen selepas mendapat kecederaan anggota badan akibat kemalangan. Faedah ini adalah terhad kepada perbelanjaan sebenar yang ditanggung secara munasabah bagi rawatan tersebut dan dengan syarat operasi pembedahan dilaksanakan dalam masa enam (6) bulan kalendar daripada tarikh kemalangan.

c) BAYARAN AMBULANS

Syarikat akan membayar balik bayaran ambulans yang ditanggung untuk mengangkut Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan dari dan/atau ke hospital sekiranya diperlukan.

PERHATIAN: Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar di bawah Faedah Perkara 3 adalah terhad kepada RM2,000 setiap orang bagi mana-mana satu kemalangan.

4. PENDAPATAN HOSPITAL

Syarikat akan membayar elaun wang tunai harian kepada Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan sepanjang tempoh dimasukkan ke hospital untuk tempoh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari setiap tahun sekiranya beliau mengalami kecederaan anggota badan akibat kemalangan semasa insurans itu berkuat kuasa.

Faedah ini hanya akan dibayar sekiranya Pihak dan/atau Orang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital berdaftar atau hospital kerajaan dengan syarat bahawa kemasukan ke hospital tersebut berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari dari masa kemalangan. Sekiranya Tempoh Insurans kurang daripada satu (1) tahun, had masa tiga puluh (30) hari bagi kemasukan ke hospital hendaklah dibahagikan dengan sewajarnya.

5. ELAUN PENGKEBUMIHAN

Syarikat akan membayar RM1,000 bagi Elaun Pengkebumihan kepada waris terdekat Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan atau wakil bagi pihak beliau yang sah apabila tuntutan yang sah dibuat dan perlu dibayar di bawah Faedah Perkara 1 - Kematian Akibat Kemalangan .

SEKSYEN A – PERUNTUKAN KHAS

Sekiranya bilangan penumpang sebenar melebihi bilangan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, Had Liabiliti Syarikat bagi setiap orang di bawah Seksyen A – Faedah akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang kepada bilangan penumpang yang diisytiharkan. Had tersebut tidak terpakai kepada pemandu. Penumpang yang berumur antara tiga (3) tahun hingga lima belas (15) tahun adalah berhak mendapat 50% daripada semua faedah yang diperuntukkan di bawah Seksyen A - Faedah.

SEKSYEN A – PENGECUALIAN

Insurans ini tidak melindungi:

1. kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian
 - a) oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku melalui kecederaan atau luka akibat kemalangan);
 - b) oleh sebarang bentuk penyakit lain;
 - c) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang diperlukan akibat kecederaan anggota badan yang dilindungi oleh Polisi ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di bawah Polisi ini);
 - d) oleh kelahiran anak atau keguguran melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan dan/atau penumpang semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun Kereta Dinamakan;
 - e) jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.
 - f) semasa kenderaan tersebut digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau sebagai pengangkut tidak berlesen.

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

2. sebarang kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh hernia.
3. bunuh diri atau sebarang percubaan bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
4. kerugian berlaku di luar Had Wilayah
5. kehilangan yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, konspirasi, tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa, keadaan darurat atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang membawa kepada pengisytiharan atau pengekalan keadaan darurat atau keadaan pengepungan, perampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alatan yang menggunakan pembelahan atom atau kuasa radioaktif, sama ada ketika aman atau semasa peperangan. Pengecualian ini tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepadanya, secara keseluruhan atau sebahagian. Pihak Diinsuranskan akan, sekiranya diperlukan, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kehilangan tersebut walau dalam apa cara sekalipun bukan berpunca daripada di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab-sebab di atas.
6. kehilangan berlaku semasa Kenderaan Yang Dinamakan digunakan untuk tujuan sewaan, perlumbaan, rali jalanan, 'pacemaking', ujian kelajuan atau digunakan bagi sebarang tujuan berhubung dengan perdagangan motor.
7. kehilangan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada atau akibat daripada pengionan, penyinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada mana-mana sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk proses pembelahan nuklear mampu diri.
8. jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
9. mana-mana orang yang berumur di bawah tiga (3) tahun dan berumur lebih daripada tujuh puluh (70) tahun.
10. kematian atau hilang upaya kekal secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau disebabkan oleh atau berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperolehi atau mungkin dinyatakan.
11. sebarang penyakit pra-wujud atau kecacatan fizikal atau kerengsaan, sebarang bentuk sawan, penyakit atau sebarang bentuk keuzuran.
12. Pemegang Polisi/Pihak Diinsuranskan membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan syarikat penerbangan berlesen pada laluan domestik atau antarabangsa berjadual (ini adalah terpakai kepada perlindungan dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia yang diberikan kepada Pemegang Polisi/Pihak Diinsuranskan)
13. Pemegang Polisi/Pihak Diinsuranskan terlibat dalam: Luncur air, menyelam skuba, aktiviti di bawah permukaan air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan, memburu, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau penunjuk arah, payung terjun, peluncuran gantung, terjun udara, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, sebarang bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki.
14. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhadap
 - a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
 - b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
 - c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
 - d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
 - e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

SEKSYEN B – FAEDAH PILIHAN (TERPAKAI BAGI KENDERAAN PERSENDIRIAN SAHAJA)

Syarikat dengan ini bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan bahawa sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh selanjutnya di mana Pihak Diinsuranskan membayar dan Syarikat adalah bersetuju untuk menerima premium bagi pembaharuan Polisi ini, Syarikat akan membayar atau menanggung rugi Pihak Diinsuranskan selaras dengan faedah-faedah mengikut Jadual Polisi sekiranya berlaku apa-apa kemalangan kepada Kenderaan Yang Dinamakan dalam Had Wilayah sebagaimana dijelaskan dalam Polisi ini yang berlaku dalam Tempoh Insurans tertakluk kepada semua terma dan syarat, pengecualian dan pengendorsan yang terpakai kepada dan membentuk sebahagian daripada Polisi ini.

1. a) ELAUN KESULITAN HARIAN

- i. Syarikat akan membayar elaun sebanyak RM50 setiap hari sehingga sepuluh (10) hari jika Kenderaan Yang Dinamakan diletakkan di bawah jagaan Bengkel Panel Syarikat selepas kemalangan.

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

- ii. Kenderaan Yang Dinamakan mestilah dihantar ke Bengkel Panel Syarikat untuk menjalani pembaikan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh kemalangan.

b) PERBELANJAAN KECEMASAN PENGINAPAN DAN / ATAU KOS PENGANGKUTAN KE HOTEL ATAU KEDIAMAN PIHAK DIINSURANSKAN

- i. Syarikat akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan bagi sewa bilik hotel harian beliau termasuk cukai. Syarikat juga akan membayar balik kos pengangkutan untuk menghantar Pihak Diinsuranskan ke hotel atau ke kediaman Pihak Diinsuranskan. Jumlah maksimum pembayaran balik di bawah faedah ini adalah tidak boleh melebihi RM200. Bil/resit asal mestilah dikemukakan kepada Syarikat.

2. PERBELANJAAN SEMBURAN CAT KENDERAAN

- i. Syarikat akan membayar balik perbelanjaan sebenar semburan cat kenderaan yang ditanggung sehingga RM1,000. Bil/resit asal mestilah dikemukakan kepada Syarikat.
- ii. Semburan cat mestilah dilakukan oleh Bengkel Panel Syarikat yang juga menjalankan kerja-kerja pembaikpulihan ke atas Kenderaan Yang Dinamakan berhubung dengan tuntutan kemalangan kerosakan sendiri. Kerja-kerja semburan cat mestilah dilakukan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh Baucar Pelepasan bagi tuntutan kemalangan kerosakan sendiri yang sama di bawah Insurans Kenderaan Persendirian Komprehensif.
- iii. Perlindungan hanya terpakai bagi kenderaan yang berusia sepuluh (10) tahun dan ke bawah.
- iv. Perlindungan dirujuk sekiranya tuntutan kemalangan kerosakan sendiri yang sepadan ke atas Kenderaan Yang Dinamakan melibatkan pengecatan semula bahagian yang rosak tetapi tidak membenarkan semburan cat pada keseluruhan kenderaan mengikut kelulusan pembaikpuliannya.

3. PEMBAYARAN BALIK KOS PEMBAIKAN

- i. Perlindungan bagi pembaikan hanya terpakai sekiranya terdapat tuntutan kemalangan kerosakan sendiri yang sepadan ke atas Kenderaan Yang Dinamakan yang berusia lima (5) tahun hingga sepuluh (10) tahun berdasarkan tarikh pembuatan kenderaan mengikut Kad Pendaftaran Kenderaan (Kad RIMV).
- ii. Syarikat akan membayar balik perbelanjaan pembaikan sebenar yang ditanggung sehingga RM500 yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan kepada Bengkel Panel bagi perbezaan kos antara komponen lama dan komponen francais baru. Bil/ resit asal mestilah dikemukakan kepada Syarikat.
- iii. Penggantian komponen francais baru mestilah dilakukan oleh Bengkel Panel Syarikat yang juga menjalankan kerja-kerja pembaikpulihan ke atas Kenderaan Yang Dinamakan berhubung dengan tuntutan kemalangan kerosakan sendiri.

4. KEROSAKAN KEPADA BARANGAN PERIBADI DAN/ATAU TEMPAT DUDUK KANAK-KANAK

- i. Syarikat akan membayar balik Pihak Diinsuranskan terhadap sebarang penggantian kepada barangan peribadi mereka dan/atau Tempat Duduk Kanak-kanak yang dipasang pada Kenderaan Yang Dinamakan semasa mengalami kerosakan dalam kemalangan jalan raya sehingga had sebagaimana dinyatakan di bawah Jadual Polisi.

Had ke atas Barangan Peribadi - RM300
Had ke atas Tempat Duduk Kanak-kanak - RM350

SEKSYEN B – SYARAT-SYARAT KHAS

1. Kenderaan Yang Dinamakan mestilah diinsuranskan dengan Syarikat di bawah Polisi Kenderaan Persendirian Komprehensif.

2. Perlindungan di bawah mana-mana satu Seksyen B – Faedah Pilihan Perkara 1 hingga 4 dalam Polisi ini boleh dituntut hanya sekiranya tuntutan kemalangan kerosakan sendiri yang sepadan ke atas Kenderaan Yang Dinamakan dibuat terhadap Polisi Kenderaan Persendirian Komprehensif dibayar oleh Syarikat.

SEKSYEN B – PENGECUALIAN

Insurans ini tidak akan dibayar:

1. bagi apa-apa kerugian, kerosakan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kerosakan Akibat Ribut, Banjir, Objek Jatuh, Kecurian, Mogok, Rusuhan & Kekecohan Awam, dan seumpamanya melainkan tuntutan tersebut di bayar di bawah Polisi Kenderaan Persendirian Komprehensif yang sama.
2. bagi kecacatan reka bentuk atau kecacatan baik pulih, kehausan dan kelusuhan biasa.
3. bagi tuntutan kedua dan berikutnya yang dibuat di bawah Polisi ini melainkan diinsuranskan semula dengan bayaran penuh premium tambahan.

SYARAT-SYARAT (TERPAKAI KEPADA SEKSYEN A DAN SEKSYEN B)

1. PERUBAHAN DALAM POLISI: Sebarang perubahan dalam Polisi ini adalah tidak sah melainkan diluluskan oleh pegawai Syarikat yang diberi kuasa dan kelulusan tersebut mestilah diendorskan ke atasnya.
2. MASA NOTIS TUNTUTAN: Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh 14 hari selepas berlaku kemalangan memberikan notis kepada Syarikat berserta butiran penuh mengenai kemalangan dan kecederaan anggota badan. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, notis serta-merta berhubung dengannya mestilah diberi kepada Syarikat.
3. SELEPAS BERLAKU SEBARANG KEMALANGAN: di mana tuntutan telah dilakukan atau mungkin berlaku Pihak Diinsuranskan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menjaga mana-mana peralatan atau objek sama ada yang telah rosak atau tidak berfungsi atau sebaliknya yang mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berhubung dengan mana-mana tuntutan, dan setakat mana yang mungkin secara munasabah sebarang perubahan atau pembaikan tidak boleh dibuat kepada mana-mana barangan berhubung dengannya atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat. Pihak Diinsuranskan tidak boleh tanpa kebenaran secara bertulis daripada Syarikat menolak liabiliti, berunding atau membuat apa-apa tawaran janji atau bayaran berhubung dengan apa-apa kemalangan atau tuntutan dan Syarikat adalah berhak sekiranya ia benar-benar berhasrat untuk mengambil alih dan mengendalikan di bawah nama Pihak Diinsuranskan pembelaan mana- mana tuntutan atau untuk melaksanakan di bawah nama Pihak Diinsuranskan atas perbelanjaan beliau sendiri dan untuk faedah beliau sendiri apa-apa tuntutan bagi indemnit atau ganti rugi atau sebaliknya terhadap mana- mana orang dan akan mempunyai budi bicara mutlak dalam mengendalikan apa-apa prosiding dan dalam menyelesaikan apa-apa tuntutan dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan segala maklumat dan bantuan tersebut sebagaimana Syarikat mungkin perlukan.
4. KECUKUPAN NOTIS: Notis tersebut oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan, mengikut keadaan, diberi kepada Syarikat berserta dengan butiran yang mencukupi untuk mengenal pasti Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai notis kepada Syarikat. Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam Polisi ini adalah tidak membatalkan sebarang tuntutan sekiranya ia dilihat sebagai tidak munasabah langsung dalam pemberian notis tersebut dan notis tersebut telah diberi dalam masa yang seberapa cepat yang mungkin.

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

5. PEMERIKSAAN PERUBATAN: Syarikat berhak untuk memeriksa Pihak Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan sekerap yang mungkin diperlukan secara munasabah semasa tuntutan di bawah Polisi ini, dan juga mempunyai hak untuk melakukan autopsi dalam kes kematian akibat kemalangan yang mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
6. DUA ATAU LEBIH POLISI: Sekiranya pada masa mana- mana tuntutan yang timbul di bawah Perkara 3 Seksyen A – Faedah Polisi ini terdapat sebarang insurans lain sama ada dengan Syarikat ini atau sebaliknya yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya Syarikat akan membayar secara pembayaran balik lebihan baki tuntutan yang tidak dibayar oleh syarikat insurans lain. Tertakluk sentiasa kepada had liabiliti sebagaimana dinyatakan dalam Polisi ini.
7. PEMBATALAN OLEH PIHAK DIINSURANSKAN: Sekiranya Pihak Diinsuranskan pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran kenderaan atau memindah milik kenderaan yang dinamakan dalam Polisi ini, Syarikat atas permintaan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan akan membatalkan Polisi ini dan memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan premium yang tidak terperoleh. Walau bagaimanapun, premium terperoleh akan dikira selaras dengan kadar jangka pendek Syarikat pada masa pembatalan.
8. PEMBATALAN OLEH SYARIKAT: Syarikat boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi empat belas (14) hari notis bertulis yang diserahkan kepada Pihak Diinsuranskan atau diposkan ke alamat terakhir beliau yang diketahui sebagaimana ditunjukkan melalui rekod Syarikat yang menyatakan apabila selepas itu pembatalan tersebut akan berkuat kuasa. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, Syarikat akan memulangkan perkadaran pro rata yang belum diperolehi bagi mana-mana premium yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan. Pembatalan tersebut hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan yang berasal sebelum daripadanya.
9. Pihak/Orang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendoran Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak/Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.
10. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.
11. TIMBANG TARA: Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelagah atau sekiranya mereka tidak bersetuju dengan keputusan seorang Penimbang Tara, dua Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis masing-masing oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam kes kedua-dua Penimbang Tara tidak boleh mencapai persetujuan, seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara sebelum mula mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan bersidang bersama dengan kedua-dua Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan pembuatan Award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak atau tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menolak liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut tidak boleh dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan tersebut setelah dirujuk kepada penimbang tara di bawah peruntukan yang terkandung dalam polisi ini maka tuntutan tersebut akan dianggap telah digugurkan dan tidak boleh diperolehi di bawah polisi ini.
12. UNDANG-UNDANG MENTADBIR: Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak terpakai kepada dan tidak juga termasuk:
 - a) pampasan bagi ganti rugi berhubung dengan penghakiman yang bukan pertama kali diberi oleh atau diterima daripada Mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.
 - b) kos dan perbelanjaan litigasi yang diperolehi oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperolehi di Malaysia
13. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN SYARAT PEMBAHARUAN Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat tetapi akan tertakluk kepada semakan pada Ulang Tahun Polisi yang merupakan tahun pertama selepas tarikh berkuat kuasa dan setiap tahun berikutnya.

Walaupun bagaimanapun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila berlaku mana-mana yang berikut:

 - a) bayaran premium tidak dibuat, atau
 - b) atas kematian Pihak Diinsuranskan, atau
 - c) Pihak Diinsuranskan telah membuat tuntutan ke atas Faedah Kehilangan Upaya Kekal atau
 - d) Pihak Diinsuranskan mencapai had umur perlindungan yang ditetapkan.
14. SALAH NYATAAN/PENIPUAN
Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak Diinsuranskan/Orang yang Dinamakan, yang mana Pihak Diinsuranskan/Orang Yang Dinamakan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan tanpa niat untuk menipu Syarikat.
15. KEWAJIPAN PENDEDAHAN
Kontrak Insurans Pengguna
 - a) Menurut Perenggan 5, Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyata semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - b) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

POLISI INSURANS 'AUTO SHIELD'

16. PENAMATAN POLISI

Polisi akan tamat/luput secara automatik apabila Pihak Diinsuranskan meninggal dunia atau apabila Pihak Diinsuranskan tidak mempunyai hakmilik/kepentingan berinsurans ke atas Kereta Dinamakan. Selepas menerima notis bertulis daripada Pihak Diinsuranskan/wakil sah/waris terdekat Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan membatalkan Polisi ini. Syarikat akan menyimpan premium selaras dengan kadar jangka pendek Syarikat untuk tempoh Polisi telah berkuatkuasa dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans yang belum luput kepada wakil sah, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans.

17. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

FASAL DAN PENGENDORSAN

yang dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi
(hanya terpakai sekiranya dinyatakan dalam Jadual Polisi)

PENGECUALIAN PERLINDUNGAN KEGANASAN

Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang bentuk tindakan keganasan. Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam berada dalam ketakutan.

SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI ARAHAN BAYARAN PEMBAHARUAN AUTOMATIK

Akaun Calonan hendaklah bermaksud akaun yang dinamakan oleh Pemegang Polisi/ Pihak Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Automatik, atau sebagaimana diarahkan selanjutnya oleh Pemegang Polisi secara bertulis, di mana premium bagi Polisi ini akan didebitkan atau dikenakan bayaran.

Premium

- a) Premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi mestilah dibayar pada Tarikh Polisi Mula Berkuat Kuasa. Sekiranya dibayar setiap tahun, pada setiap tarikh ulang tahun polisi dan sekiranya dibayar setiap bulan, pada tarikh yang sama setiap bulan selepas itu. Sekiranya tarikh pada bulan di mana premium itu mesti dibayar tidak sama dengan tarikh mula polisi, maka premium hendaklah dibayar pada tarikh terakhir bulan tersebut.
- b) Premium akan dikenakan kepada Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan apabila sampai tempoh bayaran.
- c) Bayaran premium apabila sampai tempoh bayaran akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi sedia ada adalah bukti perlindungan yang sah.

Pembatalan Automatik

- (a) Polisi ini akan dibatalkan serta-merta pada masa pembatalan Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan di mana premium bagi Polisi ini dicajkan.
- (b) Tiada bayaran premium dibuat apabila sampai tempoh bayaran.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi/perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603-2268 3333 atau 1800 88 3833
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
No. Tel. : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)
No. Faks : +603-2174 1515
e-Link : bnmlink.bnm.gov.my
alamat emel : bnmlink@bnm.gov.my
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).